



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

FEBRUARI 2026



REBUTLAH PELUANG BERAMAL PADA BULAN RAMADAN

20 FEBRUARI 2026M | 02 RAMADAN 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَغِيثُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya, dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Bulan Ramadan yang sangat dinantikan telah tiba dan ia merupakan rahmat daripada Allah ﷻ kepada hamba-Nya. Firman Allah ﷻ dalam surah al-Baqarah ayat 185:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ
فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ

Yang bermaksud: “(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu;”

Pada bulan yang mulia ini, Allah ﷻ membuka peluang keemasan kepada orang yang beriman untuk meraih pahala berganda dan membuka seluas-luasnya pintu keampunan untuk hamba-hamba-Nya. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim. Rasulullah ﷺ telah bersabda:

إِذَا جَاءَ رَمَضَانُ فُتِّحَتْ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ وَغُلِّقَتْ أَبْوَابُ النَّارِ وَصُفِّدَتِ الشَّيَاطِينُ.

Yang bermaksud: “Apabila datangnya Ramadan, nescaya dibuka pintu syurga, ditutup pintu neraka dan dibelenggu syaitan.”



Sidang Jumaat yang dimuliakan

Pada bulan Ramadan yang mulia ini, marilah kita melakukan ibadah puasa dengan bersungguh-sungguh iaitu bukan setakat menahan lapar dan dahaga malah meninggalkan perkara-perkara yang ditegah dan sia-sia. Allah ﷻ menjanjikan ganjaran pahala yang besar bagi orang yang berpuasa. Ingatlah, ibadah puasa yang dilakukan dengan penuh ketakwaan dijanjikan keampunan dosa sebelumnya. Rasulullah ﷺ bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Yang bermaksud: *“Barangsiapa yang berpuasa Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan ganjaran pahala nescaya diampunkan baginya segala dosa yang terdahulu”.*

Di samping itu berusaha untuk melipatgandakan amal ibadah kita yang lain, antaranya:

Pertama: Mendirikan solat Tarawih

Hidupkanlah malam Ramadan dengan menunaikan solat Tarawih secara berjemaah di masjid dan surau. Kuatkanlah diri untuk meneruskan tradisi para salafussoleh menyempurnakan 20 rakaat solat Tarawih dan 3 rakaat solat Witir secara berjemaah sebagaimana Athar Imam Baihaqi yang bermaksud:



“Adalah umat Islam pada zaman Saidina Umar bin Al-Khatab mendirikan solat tarawih sebanyak 20 rakaat”.

Demikian juga, hidupakanlah malam tersebut dengan amalan Qiamullail yang lain.

Kedua: Memperbanyak bersedekah

Rasulullah ﷺ merupakan seorang yang dermawan dan paling suka bersedekah. Baginda ﷺ lebih dermawan pada bulan Ramadan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا
يَكُونُ فِي رَمَضَانَ

Yang bermaksud: *“Rasulullah ﷺ ialah orang yang paling dermawan. Dan beliau lebih dermawan lagi pada bulan Ramadan.”*

Antara sedekah yang utama ialah, memberi makan kepada orang yang berbuka puasa kerana Nabi menyatakan pahalanya seperti pahala orang berpuasa tanpa mengurangkan sedikitpun pahala mereka yang berpuasa. Demikian juga bersedekah kepada fakir miskin, anak yatim, kaum keluarga dan golongan yang memerlukan.

Ketiga: Bertadarus al-Quran

Membaca al-Quran merupakan amalan yang mulia dan utama. Namun kelebihan membaca dan mempelajarinya digandakan pada bulan



Ramadan sepertimana hadis Rasulullah ﷺ yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.

.....وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ.....

Yang bermaksud: “.....*Dan Jibril (menemui Nabi) setiap malam (pada bulan Ramadan) untuk saling bertadarus al- Quran.....*”

Keempat: Menghidupkan sepuluh malam terakhir dan mencari kemuliaan Lailatul Qadar

Lailatul Qadar ialah suatu malam pada bulan Ramadan yang begitu istimewa sekali fadhilatnya. Amalan yang dilakukan pada malam al-Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan ganjaran pahalanya. Ia telah dijelaskan oleh Allah ﷻ dalam surah al-Qadar ayat 1 hingga 3 yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam Lailatul-Qadar, dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran malam Lailatul-Qadar itu? malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.*”

Oleh itu, hidupakanlah sepuluh malam terakhir Ramadan dan rebutlah kelebihan Lailatul Qadar.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala

Kesimpulan khutbah pada hari ini ialah

- Pertama: Bulan Ramadan merupakan bulan keberkatan yang mana setiap amal soleh dilipatgandakan pahalanya.
- Kedua: Lakukanlah ibadah puasa dengan bersungguh-sungguh, bukan sekadar menahan lapar dan dahaga malah meninggalkan perkara-perkara yang ditegah dan sia-sia.
- Ketiga: Perbanyakkanlah amal soleh pada bulan yang mulia ini iaitu mendirikan solat tarawih, memperbanyakkan sedekah, berqiamullail, bertadarus al-Quran, beriktikaf di masjid, menghidupkan sepuluh malam terakhir dan mengejar Lailatul Qadar.
- Keempat: Lazimkanlah bertaubat dan memohon keampunan dosa daripada Allah ﷻ pada bulan yang penuh berkat ini kerana pintu taubat dibuka seluas-luasnya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ

أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٤٧﴾



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ